

20 NOV 1999
Pencalonan-Kedah
DR MAHATHIR KEMUKA BORANG PENCALONAN

ALOR SETAR, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan borang pencalonannya untuk mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Kubang Pasu di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang menjadi anggota Parlimen kawasan itu sejak pilihan raya 1974, tiba pada pukul 9.20 pagi bersama-sama Barishah Saad yang dicalonkan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tunjang dan Prof Othman Ishak yang dicalonkan untuk DUN Jitra.

Mereka turut mengemukakan borang pencalonan masing-masing di pusat yang sama.

Ketiga-tiga mereka diiringi para penyokong BN yang berarak dari Ibu pejabat Umno Kubang Pasu yang berhampiran. Yang turut sama adalah bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, yang juga Timbalan Pengerusi Umno Kubang Pasu.

Semasa mengiringi calon-calon BN, para penyokong menyanyikan lagu-lagu patriotik, antaranya "Barisan Kita" dan melaungkan slogan "Hidup BN", "Hidup Mahathir".

Dr Mahathir, Barishah dan Othman adalah yang pertama memasuki bilik gerakan itu untuk menyerahkan borang pencalonan masing-masing.

Anggota PAS Subky Abdul Latiff, yang mencabar Dr Mahathir di Kubang Pasu, diarak ke pusat penamaan calon bersama-sama-sama Abu Kasim Abdullah yang dicalonkan oleh PAS untuk DUN Tunjang dan Mat Nanyan Saad yang dicalonkan untuk DUN Jitra.

Mereka tiba di pusat penamaan calon kira-kira 10 minit selepas calon-calon BN.

Di Sungai Petani, Tun Daim Zainuddin yang mempertahankan kerusi Parlimen Merbok tiba-tiba di Pejabat Daerah Kuala Muda pada pukul 9.40 pagi bersama-sama Datuk V. Saravanan yang dicalonkan oleh BN untuk bertanding DUN Bukit Selambau, Beh Heng Seong (DUN Gurun) dan Rosnah Majid (DUN Tanjung Dawai).

Di Langkawi, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, yang mempertahankan kerusi DUN Kuah tiba di pusat penamaan calon di Pejabat Daerah Langkawi bersama-sama Datuk Abu Bakar Taib (Parlimen Langkawi) dan Hassan Bulat (DUN Padang Matsirat) pada pukul 9.40 pagi.

Sebelum itu, mereka bersama-sama para penyokong menunaikan solat sunat di Masjid Al-Hana yang terletak kira-kira 1.5km dari pejabat daerah itu sebelum berarak ke pusat penamaan calon.

Di Sik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang dicalonkan bertanding kerusi Parlimen Sik, Siti Mariam Salleh (DUN Belantek) dan Mohd Hadzir Jaafar (DUN Jeneri) tiba pada pukul 9.40 pagi untuk menyerahkan borang pencalonan masing-masing di Pejabat Daerah Sik.

Ketiga-tiga calon BN diiringi lebih 2,000 penyokong yang berarak di jalan utama pekan Sik ke pusat penamaan calon.

Datuk Shahnnon Ahmad yang dicalonkan oleh PAS untuk bertanding Parlimen Sik tiba lebih awal pada pukul 9.20 pagi.

Di Pendang, Presiden PAS Datuk Fadzil Noor yang dicalonkan bertanding di Parlimen Pendang, mengetuai calon-calon partinya, Mohamed Taulan Mat Rasul (DUN Bukit Raya) dan Abdul Rahim Abdul Rahman (DUN Sungai Tiang) ke

pusat penamaan calon di Pejabat Daerah Pendang pada 9.25 pagi.

Wakil BN, Datuk Othman Abdul yang dicalonkan bertanding di Parlimen Pendang, Abdullah Bahari (DUN Bukit Raya) dan Mohamed Rozai Safian (DUN Sungai Tiang) pula tiba pada pukul 9.40 pagi dengan diiringi penyokong mereka.

-- BERNAMA

TEAM AKD